

Halusinasi Bukan Alasan Untuk Bertindak Kejam!



BAGI pakar motivasi terkenal, Prof. Madya Md Izzudin Ali, suami yang suka berhalusinasi ataupun kerap mendengar suara-suara ghaib sepatutnya lebih banyak beramal ibadat dan mengamalkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Katanya, mereka tidak boleh beri alasan halusinasi ataupun terdengar suara-suara ghaib yang menyuruh mereka mencederakan isteri sendiri.



Prof. Izz

secara rasional. "Beginilah emosi dan mental orang yang dipengaruhi dadah. Mereka gagal untuk berfikir secara waras dan kerap melakukan perkara di luar kewarasan. Walaupun setiap perbuatan dianggap tidak disengajakan ataupun dilakukan ketika tidak waras namun ia bukan alasan untuk mereka bertindak sesuka hati.

"Jalan terbaik ialah mendekati diri dengan aktiviti keagamaan di samping berubat dan meminta bantuan pakar untuk memulihkan masalah yang dihadapi. Jika dibiarkan tidak mustahil ada suami yang sanggup tikam dan bunuh isteri gara-gara terlalu terikut-ikut dengan halusinasi dalam dirinya," ujarnya.

PUKUL ISTERI JADI HOBI

Bagaimanapun menurut pakar motivasi ini, punca utama berlakunya kes penderaan terhadap isteri ialah disebabkan kegagalan mengawal rasa marah di kalangan suami. Katanya, ada kala suami menganggap ia sebagai satu kebiasaan atau hobi apabila rasa marah, tekanan ataupun kemahuannya tidak dipenuhi.

"Ini masalah apabila gagal mengawal rasa marah, tiada sifat penyabar dan kurang didikan agama. Mereka akan melepaskan rasa marah ataupun tidak puas hati kepada isteri sebagai tempat melepaskan perasaan. Keadaan akan bertambah buruk apabila isteri melawan ataupun membuat provokasi. Penyakit ini jika dibiarkan berlarutan akan menjadi satu hobi dan tidak mustahil ia akan mendorong kepada perkara yang lebih serius seperti mencederakan isteri sehingga parah," tegas beliau.

Saranan Untuk Isteri:

1. Pelajari teknik mempertahankan diri secara sembunyi. Saranan ini sangat penting demi melindungi diri anda daripada terusterusan menjadi mangsa penderaan suami.
2. Cuba elak daripada melakukan perkara yang boleh mengundang kemarahan suami.
3. Lakukan apa sahaja yang disuruh suami selagi tidak melanggar hukum syarak.
4. Sekiranya suami mula memukul, nyatakan dengan lembut pendirian anda bahawa anda ingin keluar dari rumah sementara waktu. Meskipun dia berhak untuk marah dengan keputusan tersebut, namun ia lebih baik daripada anda hanya bersikap menurut dan berdiam diri. Perlu diingat, tindakan berdiam diri ada kalanya tidak memberi sebarang penyelesaian. Sekurang-kurangnya sepanjang ketidadaan isteri di rumah akan memberi peluang kepada suami untuk berfikir dan memikirkan semula tindakannya itu.
5. Sekiranya suami masih tidak mahu berubah, tidak ada salahnya jika meminta pertolongan ibu dan bapa mentua. Ini kerana lelaki lebih mendengar kata-kata ibu dan bapanya sendiri berbanding orang lain.
6. Jika tidak berkesan, minta pula bantuan ibu bapa sendiri untuk menasihati suami. Perasaan malu pada keluarga mentua mungkin boleh mengubah sikap suami.
7. Langkah terakhir adalah dengan membuat laporan polis dan keluar dari rumah. Jika tidak, suami pasti akan bertindak lebih kejam pada isteri.
8. Doa melembutkan hati suami: Ya Allah Ya Tuhanku, Lembutkanlah hati suamiku (sebut nama suami) seperti mana engkau lembutkan besi untuk Nabi Daud a.s.

Kronologi Kes Suami Mendera Isteri

1. Hulu Kelang (Januari 2010)
Kebimbangan seorang rakan membawa kepada penemuan mayat seorang wanita dipercayai mati dibunuh suaminya dalam kejadian di Pinggiran Ukay, Ampang, Selangor. Mangsa dikenali sebagai Fazlina Amad, 39, dipercayai dalam-proses bercerai dengan suaminya ditemui dalam keadaan menyayat hati apabila mayatnya dibungkus dengan cadar dan disumbat dalam almari baju di tingkat atas bilik utama rumah teres dua tingkat itu.

2. Mukah (26 Mac 2010)
Seorang suami sanggup menghentak kepala isterinya dengan tukul besi hanya kerana perselisihan faham. Akibat perbuatan tersebut, isterinya menemui ajal akibat kecederaan parah dalam kejadian pada pukul 4.30 pagi di sebuah rumah kongsi.


3. Kuantan (10 April 2010)
Keengganan seorang isteri menurut permintaan suaminya untuk

mengadakan hubungan intim atas alasan tidak sihat mengundang musibah pada dirinya. Akibat terlalu berang, suaminya sanggup menyimbah asid kepada isterinya sehingga menyebabkan si isteri mengalami kecederaan parah di muka dan tubuhnya. Difahamkan ketika kejadian, tertuduh baru pulang ke rumah selepas bermain judi.

4. Kuala Lipis (4 Mei 2010)
Akibat gagal mengawal perasaan cemburu buta selepas melihat isteri bersembang dengan kenalan lelaki melalui telefon bimbit, seorang suami memijak perut, dada, kepala dan paha wanita itu sehingga maut.

5. Melaka (Mei 2010)
Seorang wanita parah di bahagian alat sulit akibat ditoreh suaminya yang mendakwa mendengar "bisikan suara halus jin" kononnya si isteri menjalin hubungan sulit dengan lelaki lain. Menurut mangsa, suaminya berusia awal 40-an dan juga seorang anggota

tentera datang dari arah belakang dan memeluknya sebelum menoreh bahagian kemaluan isterinya. Isterinya pula yang merupakan seorang jururawat berusia 30-an segera menelefon hospital bagi mendapatkan bantuan. Dalam waktu yang sama, suaminya itu turut membantu namun segera ditepis kerana isterinya bimbang dcederakan lagi.



Usah takut untuk minta bantuan apabila suami mengancam keselamatan anda dan anak-anak.

Keganasan rumah tangga berlaku kerana beberapa sebab:

- i) Tiada keharmonian dan persefahaman dalam rumah tangga.
- ii) Personaliti suami atau isteri.
- iii) Latar belakang keluarga.
- iv) Kesan penagihan dadah, alkohol atau judi.
- v) Masalah ekonomi.
- vi) Faktor terlalu cemburu terhadap pasangan.
- vii) Masalah mental.
- viii) Latar belakang masyarakat dan budaya.
- ix) Pasangan yang tidak dapat menyesuaikan diri dalam rumah tangga.
- x) Wujudnya orang ketiga dalam rumah tangga.
- xi) Kurangnya didikan agama.

TALIAN BANTUAN

Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)	03-7956 3488
Pusat Krisis Wanita (WCC, Penang)	04-228 0342
All Women Action Society of Malaysia (AWAM)	03-7957 0224
TELEDERA	1-800-883040
BEFRIENDERS	03-7956 8144
P.S. The Children	03-74931303

Bagaimana Akta Keganasan Rumah tangga Dapat Membantu Anda?

- Anda boleh membuat aduan kepada pihak polis dan pejabat kebajikan.
- Anda boleh tinggal di rumah perlindungan jika anda tidak berasa selamat di rumah.
- Anda boleh memohon Perintah Perlindungan Sementara (IPO) dari mahkamah yang akan menghalang pendera tersebut dari memukul anda.
- Anda boleh meminta mahkamah untuk menambah kuasa untuk menangkap kepada perintah tersebut , jika anda khuatir yang pendera akan mencederakan anda lagi.
- Jika anda sedang menjaga seseorang yang didera, (seperti anak atau orang yang kurang upaya), anda boleh juga memohon Perintah Perlindungan Sementara untuk mereka.
- Jika orang yang melakukan kesalahan itu melanggar perintah tersebut beliau boleh dihukum oleh mahkamah.

Women's Aid Organisation
Pertubuhan Pertolongan Wanita
P.O. Box 493 Jalan Sultan
46760 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
Tel. +60 3 7956 3488
Fax. +60 3 7956 8237
Email: wao@po.jaring.my